

Keputusan Hakim Syarie Dalam Kes-Kes Pengesahan Hibah Mengenai *Sighah*

Sharia Judges Decision in Hibah Endorsement Cases on *Sighah*

NURUL SYUHADAH BINTI AZALAN
NOOR LIZZA BINTI MOHAMED SAID

ABSTRAK

Permohonan kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah meliputi isu ijab dan qabul. Di Mahkamah Syariah, kebiasaannya Hakim-hakim Syarie membuat keputusan bagi kes-kes pengesahan hibah dengan berpandukan kepada kitab-kitab fiqh tertentu, biarpun terdapat pelbagai pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hibah termasuk berkaitan dengan isu ijab dan qabul. Keharusan akad hibah tanpa salah satu daripada rukun-rukun hibah menjadi persoalan yang perlu dirungkai. Dalam pada itu, timbul juga persoalan mengenai pemberian bapa kepada anak yang masih kecil, adakah bapa perlu melakukan qabul sekiranya bapa juga merupakan wali kepada penerima hibah. Justeru, artikel ini adalah bertujuan untuk mengetahui keputusan yang dibuat oleh Hakim-hakim Syarie di samping mengetahui kecenderungan penghakiman Hakim-hakim Syarie dalam mengguna pakai pandangan fuqaha bagi menyelesaikan kes-kes pengesahan hibah mengenai isu ijab dan qabul di Mahkamah Syariah. Data-data kajian ini diperolehi daripada laporan-laporan kes di Mahkamah Syariah, perbandingan mazhab dan temubual Hakim-hakim Syarie. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan pandangan di kalangan Hakim-hakim Syarie dalam memutuskan kes-kes pengesahan hibah walaupun dalam isu yang sama. Oleh yang demikian, dengan mengetahui kecenderungan keputusan Hakim Syarie dalam memutuskan isu ijab dan qabul, ia dapat membantu masyarakat dan syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah untuk memastikan hibah yang dibuat boleh diterima di Mahkamah Syariah.

Kata kunci: akad, ijab, qabul, Mahkamah Syariah, qabd

ABSTRACT

Application of hibah endorsement in the Sharia Court includes the issue of offer and acceptance. At the Sharia Court, the judges usually decided the hibah endorsement cases based on the selected Islamic law books, even though there are various opinions among the Islamic jurists concerning the hibah, including the issue of offer and acceptance. The issue of permissibility of the contract of hibah without fulfilling one of its pillars, needs clarification. Furthermore, there are issues whether the hibah made by a father to his children need also be accomplished by an acceptance of the father whom is also a guardian ad litem to the children. Thus, this article aims to analyses on the preference of judgements made by the Sharia Court's judges while adjudicating the issue of the offer and acceptance of the contract of hibah at the Sharia Court. The data was collected from relevant reported cases in the Sharia Court, opinion of Islamic school of laws and interviews conducted with the Sharia Court's judges. The research discovers that the Sharia Court's judges differ in adjudicating the hibah endorsement cases even though the facts of the cases are similar. Thus, knowing the judges' preferences in giving judgement in the cases involving offer and acceptance, will assist society and companies that offer hibah products to ensure that their hibah contracts are recognised by the Sharia Court.

Keyword: contract, offer, acceptance, Sharia Court, qabd

PENDAHULUAN

Hibah merupakan salah satu instrumen dalam perancangan harta semasa hidup pemberi hibah dan ia cukup signifikan untuk diamalkan oleh umat Islam di Malaysia. Ijab dan qabul merupakan salah satu elemen yang kebiasaannya dibahaskan oleh para fuqaha. Bagi menentukan sesuatu hibah itu sah atau sebaliknya, Hakim-hakim Syarie akan melihat sama ada rukun hibah telah sempurna dilakukan atau tidak, maka ijab dan qabul akan menjadi perhatian oleh Hakim-hakim Syarie di Mahkamah Syariah dengan mengulas kewujudan elemen tersebut. Antara permasalahan kajian yang ditimbulkan dalam isu ijab dan qabul ialah akad hibah yang dibuat adalah tanpa qabul dan elemen qabul itu dilakukan dengan perbuatan tanpa lafaz sedangkan ijab yang merupakan salah satu elemen dalam *ṣīghah* hendaklah dilakukan melalui lafaz. Perkara ini menjadi perbincangan dalam kalangan fuqaha yang akan dikupas di dalam kertas ini untuk melihat kesesuaian dari sudut keadaan semasa dan melihat kecenderungan kes-kes yang berlaku di Mahkamah Syariah sama ada Hakim Syarie menerima atau tidak sekiranya qabul dilakukan dari segi perbuatan dan adakah ia dianggap sebagai rukun hibah.

Terdapat keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie di dalam kes di Mahkamah Syariah yang membenarkan hibah dibuat kerana beranggapan bahawa perbuatan tersebut adalah qabul seperti dalam kes *Mohd Hassan Bin Ismail v Habshah Binti Alias Dan Lapan Defendan Yang Lain* (10300-044-0711-2012) sedangkan menurut jumhur fuqaha, akad hibah menjadi lengkap apabila kedua-dua elemen di dalam *ṣīghah* iaitu ijab dan qabul dipenuhi seperti yang diputuskan oleh Hakim Syarie dalam kes *Saharain Bin Nordin v Noraidah Binti Nordin* [2008] JH 26(1).

Selain itu, mengenai isu *ṣīghah* dengan perbuatan tanpa lafaz berdasarkan kes *Kamsiah Binti Yusof v Latifah Binti Yusof Dan Tiga Yang Lain* [2009] JH 27(II), Hakim Syarie telah memutuskan hibah yang dibuat adalah sah menurut hukum syarak kerana elemen qabul didapati wujud walaupun dengan cara perbuatan. Oleh yang demikian timbul persoalan sama ada hibah yang dilakukan itu dibolehkan mengikut hukum syarak atau sebaliknya.

Isu yang ingin dikupas juga berkaitan dengan syarat sah sesuatu qabul. Adakah qabul boleh diselangi dengan masa yang lama atau perlu dalam masa yang segera seperti akad-akad yang lain, contohnya akad jual beli, akad nikah dan sebagainya. Sekiranya akad hibah dikaitkan dengan sesuatu tempoh masa tertentu adakah ia dibolehkan menurut kehendak hukum syarak.

Oleh yang demikian, isu-isu tersebut merupakan persoalan yang perlu diselesaikan. Justeru di bawah tajuk ini akan dibincangkan mengenai pendapat para fuqaha mengenai isu ijab dan qabul dan juga kecenderungan keputusan Hakim Syarie membanding dan memilih pendapat-pendapat mazhab sunni yang boleh diguna pakai bersesuaian dengan keadaan masa kini mengenai isu tersebut kerana kesahan hibah adalah bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie di samping Mahkamah Syariah tidak mengaplikasikan doktrin duluan mengikat seperti amalan di Mahkamah Sivil (Noor Aziah 2003). Justeru, penulis mengharapkan kajian ini dapat membantu dan memberi panduan kepada masyarakat di Malaysia bagi menghasilkan produk hibah dengan lebih

terancang dan lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat supaya ianya menepati hukum syarak.

SYARAT SAH IJAB DAN QABUL DALAM HIBAH

Hibah yang dilaksanakan akan sah sekiranya syarat-syarat bagi rukun-rukun hibah dipatuhi. Antara syarat-syarat *ṣiġhah* iaitu ijab dan qabul menurut mazhab Shafi'i ialah:

- i. Ijab dan qabul hendaklah bersambung antara kedua-duanya tanpa adanya pemisah iaitu tidak diselangi satu tempoh yang lama menurut syarak kerana boleh dianggap membawa kepada keraguan dari segi sahnya ijab dan qabul tersebut (al-al-Jaziri 2003).
- ii. Hibah tidak boleh dikaitkan dengan sesuatu syarat kerana hibah adalah pemberian sesuatu milikan kepada seseorang yang ingin diberikan kepadanya harta tersebut maka tidak boleh dikaitkan dengan sesuatu yang kemungkinan akan berlaku atau kemungkinan perkara tersebut tidak akan berlaku (al-Zuhayli 2007).
- iii. Hibah tidak sah sekiranya dikaitkan dengan sesuatu tempoh waktu (al-Jaziri 2003; al-Zuhayli 2007) kerana pemberian milik sesuatu barang adalah secara mutlak untuk selama-lamanya (al-Zuhayli 2007) dan sukarela. Dikecualikan di dalam isu hibah *ʿūmrā* dan *rūqbā* menurut pendapat mazhab Hanbali (al-Jaziri 2003).

Melihat kepada kes-kes hibah di Mahkamah Syariah, keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie mengguna pakai syarat yang telah ditetapkan oleh jumhur fuqaha iaitu ijab dan qabul hendaklah secara berturut-turut dan tidak boleh diselangi dengan waktu yang lama seperti dalam kes *Faizah Som Binti Abdul Kadir v Yahya Bin Abdul Kadir dan lain-lain* (14700-044-0244-2013), kes *Basa Bin Jaya v Maliah Binti Wan Dan Lain-lain* (10400-044-0340-2014) dan *Islah Binti Ismail Dan Seorang Yang Lain v Ishak Binti Ismail Dan Lain-lain* (10400-044-0025-2011).

Berlainan dengan kes *Abdul Ghani Bin Abdul Kadir v Arpah Binti Abdul Kadir* [2012] JH 35(II). Pada asalnya Mahkamah menerima prinsip penerimaan (qabul) secara lisan perlu diucapkan dengan kadar segera sejurus selepas lafaz ijab diucapkan. Namun begitu, hakim memberikan tafsiran lain dalam penerimaan iaitu qabul secara perbuatan iaitu qabul tidak disyaratkan sejurus selepas lafaz pemberian. Hakim Syarie dalam kes ini telah menetapkan terdapat dua kategori yang mempunyai kesan yang berbeza. Kategori pertama iaitu lafaz qabul hendaklah dilakukan serta merta setelah pemberi hibah melafazkan ijab manakala kategori kedua pula ialah sekiranya setelah lafaz ijab dilakukan qabul secara perbuatan, tidak disyaratkan perlu serta merta. Penghakiman Hakim Syarie di dalam kes ini adalah bersamaan juga dengan prinsip yang dinyatakan di dalam kes *Eshah Abdullah & Lima yang Lain v Che Aminah Abdul razak & Dua yang Lain* [2004] JH XVIII(I). Secara amnya, Hakim Syarie dalam kes ini berpandukan kepada pendapat yang ditetapkan oleh al-Shirazi yang menyatakan bahawa hibah menjadi tidak sah sekiranya lafaz qabul tidak disusuli selepas lafaz ijab.

ولا تصح إلا بالإيجاب والقبول لأنه تمليك ادمي لادمي، فافتقر إلى الإيجاب والقبول، كالبيع والنكاح ولا يصح
القبول إلا على الفور

Maksudnya:

Tidak sah hibah kecuali dengan adanya ijab dan qabul kerana hibah adalah memberi milikan hak anak adam maka ia memerlukan ijab dan qabul seperti jual beli dan pernikahan dan tidak sah hibah melainkan qabul diucap dengan segera.

Berdasarkan pandangan al-Shīrāzī dalam kitabnya *Muhadhdhab fī al-Fiqh al-Shāfiʿī*, penulis berpendapat ijab dan qabul hendaklah dengan kadar segera sama ada secara lafaz atau perbuatan kerana kalimah ijab dan qabul tidak disandarkan dengan kalimah lafaz. Namun, kitab ini ia adalah berdasarkan kepada pendapat mazhab Shafiʿi. Menurut mazhab Shafiʿi, ijab dan qabul hendaklah dengan lafaz dan tidak sah hibah sekiranya dengan cara perbuatan. Maka secara tidak langsung, karangan al-Shirazi ini hanya memfokuskan kepada lafaz sahaja. Oleh yang demikian, sekiranya qabul secara perbuatan dilakukan oleh penerima hibah, ia boleh dilakukan bukan dalam keadaan serta merta.

Selain itu, syarat sah hibah menurut mazhab Shafiʿi sesuatu akad hibah tidak boleh disandarkan dengan sesuatu tempoh. Namun begitu, terdapat kes yang membenarkan lafaz ijab yang dikaitkan dengan tempoh waktu seperti kes *Asmah Binti Mohamed Dewa v Chik Zaharah Binti Awang Noh & Lima Yang Lain* (06200-044-0072-2014). Melihat alasan penghakiman kes ini, Hakim Bicara berpendapat bahawa pemberi hibah telah melafazkan pemberian kepada penerima hibah seperti yang dinyatakan di dalam alasan penghakiman kes ini:

Dalam kes ini si mati dalam keadaan waras dan tanpa paksaan telah mengakadkan hibah kepada pemohon dengan menyatakan: “esok, abah nak beri awak tanah.

Mahkamah tidak membuat sebarang penafian atau bantahan terhadap lafaz yang diucapkan oleh pemberi hibah malahan mahkamah berpandangan bahawa elemen ijab telah dipenuhi di dalam kes ini sedangkan penulis beranggapan bahawa lafaz ijab ini berkait dengan sesuatu tempoh akan datang yang boleh menyebabkan hibah itu tidak sah. Menurut penulis, Hakim Syarie dalam kes ini telah terkhilaf dan terlepas pandang terhadap lafaz ijab yang diucap oleh pemberi hibah kerana akad hibah yang dikaitkan dengan sesuatu tempoh masa tertentu boleh terbatal di samping bertentangan dengan syarat yang ditetapkan oleh fuqaha mazhab Shafiʿi.

IJAB DAN QABUL SEBAGAI RUKUN HIBAH

Ṣīghah merangkumi lafaz ijab dan qabul. Definisi ijab dalam konsep hibah ialah lafaz yang menunjukkan pemberian daripada pemberi hibah manakala definisi qabul dalam konsep hibah pula ialah lafaz yang diucapkan oleh penerima hibah yang menunjukkan penerima hibah menerima pemberian itu. Lafaz ijab dan qabul merupakan elemen penting dalam sesuatu akad kerana lafaz itu menunjukkan wujudnya kerelaan daripada

pemberi hibah untuk menyerahkan hartanya dan kesudian daripada penerima hibah untuk menerima pemberian tersebut.

Antara rukun-rukun hibah ialah pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibahkan dan *ṣiġhah* iaitu ijab dan qabul. Dengan erti kata lain, *ṣiġhah* merupakan salah satu daripada empat rukun-rukun hibah. Ini adalah menurut pandangan daripada jumhur fuqaha iaitu mazhab Maliki, mazhab Shafi'i dan mazhab Hanbali (al-Shafi'i 1997; Ibn Qudamah t.th.; Ibn Rushd 2012). Menurut mazhab Hanafi, terdapat dua pandangan mengenai ijab dan qabul iaitu pandangan pertama mengatakan bahawa ijab dan qabul adalah rukun-rukun hibah, manakala pandangan yang kedua mengatakan bahawa ijab adalah rukun hibah namun qabul bukan termasuk dalam rukun-rukun hibah (al-Jaziri 2003).

Oleh yang demikian, pendapat yang mengambil kira ijab dan qabul sebagai rukun hibah ialah satu riwayat daripada mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Shafi'i dan mazhab Hanbali. Mereka berhujah mengatakan bahawa pemilikan melalui hibah adalah sama melalui pemilikan dengan akad jual beli dan nikah (Ibn Qudamah t.th.; al-Zuhayli 1989; al-Shirazi 1997). Di dalam akad jual beli dan nikah perlu kepada ijab dan qabul maka secara tidak langsung pemilikan melalui hibah juga perlu kepada ijab dan qabul. Begitu juga hujah yang diutarakan oleh fuqaha di dalam mazhab Hanafi tetapi mereka lebih jelas menggunakan kaedah *qiyās* (al-Zuhayli 1989).

Menurut pandangan sebahagian daripada mazhab Hanafi, mereka berpendapat bahawa ijab merupakan rukun hibah sedangkan qabul bukan termasuk rukun hibah (al-Zuhayli 1989; al-Jaziri 2003) dengan bersandarkan kepada kaedah *istihsān* kerana hibah dari segi bahasa ialah ungkapan tentang pemberian daripada pemilik harta tanpa ada syarat qabul daripada penerima hibah. Mazhab Maliki membalas hujahan tersebut dengan mengatakan bahawa qabul diperlukan agar perpindahan pemilikan yang berlangsung itu sempurna (al-Zuhayli 1989). Dengan erti kata lain untuk penyerahan barang itu berlaku perlu kepada qabul. Tambahan pula, hibah merupakan akad sukarela dan memerlukan keredaan daripada kedua-dua belah pihak. Sekiranya penerima hibah tidak melakukan qabul, ia menunjukkan penerima hibah tidak mahu menerima pemberian tersebut. Pendapat jumhur fuqaha yang berhujah bahawa ijab dan qabul adalah sebahagian daripada rukun-rukun hibah sememangnya ada asasnya.

Impak daripada perbezaan pendapat oleh fuqaha mengenai ijab dan qabul dalam akad hibah membawa kepada muncul dua hukum yang berbeza dalam isu yang sama seperti dalam kes orang yang bersumpah yang tidak akan memberi barang yang di dalam milikannya. Sekiranya setelah dia melakukan sumpah tersebut kemudian dia ingin memberi barang di dalam milikannya sedangkan pihak yang diberi tidak mahu menerima barang tersebut, maka orang yang melakukan sumpah itu dikira tidak melanggar sumpah menurut pandangan yang memakai kaedah *qiyās* sedangkan pandangan yang menggunakan kaedah *istihsān*, orang yang melakukan sumpah itu dikira telah melanggar sumpahnya (al-Zuhayli 1989).

Melihat kepada penghakiman yang dibuat oleh Hakim-hakim Syarie di Mahkamah Syariah, kebanyakannya bersetuju bahawa hibah dikira telah lengkap apabila wujudnya ijab dan qabul. Mereka bersepakat dengan pendapat daripada jumhur fuqaha bahawa *ṣiġhah* iaitu ijab dan qabul dikira sebagai rukun hibah. Contohnya dengan melihat

kepada kes di Selangor iaitu kes *Saharain Bin Nordin v Noraidah Binti Nordin* [2008] JH 26(I), perayu iaitu Saharain Bin Nordin telah membawa kes ini ke Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam kerana tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang telah memutuskan bahawa aset yang menjadi isu dalam kes ini diisytihar sebagai hibah kepada responden iaitu Noraidah Binti Nordin. Apabila diteliti oleh Hakim Mahkamah Rayuan, mereka telah memutuskan bahawa hibah yang dibuat adalah tidak sah dan terbatal kerana gagal membuktikan kewujudan ijab dan qabul. Dari segi pembuktian di dalam kes ini adalah tidak kukuh dan seolah-olah tidak wujud sama sekali. Disebabkan ketiadaan elemen ijab dan qabul, Hakim memutuskan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dibatalkan. Penulis beranggapan bahawa keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Rayuan adalah tepat kerana menepati kehendak hukum syarak yang telah ditetapkan iaitu perlu kepada ijab dan qabul.

Kes *Kamsiah Binti Yusof v Latifah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* [2008] JH 27(II) di Seremban pula, plaintif telah menjelaskan di dalam tuntutannya bahawa bapanya telah menghibahkan harta kepadanya semasa bapanya masih hidup. Y.A Hakim Bicara mendapati bahawa telah wujud lafaz ijab yang diucapkan oleh bapa plaintif kepadanya namun begitu tidak pada lafaz qabul daripada penerima hibah. Di samping itu, terdapat keraguan berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh plaintif kerana lafaz ijab yang dinyatakan olehnya di Mahkamah adalah berlainan dari semasa ke semasa. Menurut Hakim Bicara, ketiadaan lafaz qabul selepas lafaz ijab dalam akad hibah menunjukkan bahawa pemberi hibah dan penerima hibah tidak mengetahui mengenai definisi hibah itu sendiri sedangkan *ṣighah* merupakan salah satu rukun hibah yang wajib dipenuhi:

Ijab itu pula tidak disusuli dengan qabul oleh penerima bagi menjelaskan perkara tersebut, bermakna kedua-duanya iaitu pemberi dan penerima tidak sepakat mengenai pengertiannya dan ini menjejaskan pemberian tersebut terutamanya dari sudut hibah dan tidak memenuhi syarat *ṣighah*.

Oleh yang demikian, Hakim Bicara memutuskan bahawa tuntutan hibah tersebut adalah ditolak. Penulis beranggapan keputusan Hakim Bicara cenderung mengguna pakai pendapat jumhur fuqaha yang perlunya ijab dan qabul di dalam akad hibah di samping mengikut kehendak hukum syarak.

Begitu juga kes hibah di Kuala Lumpur seperti di dalam kes *Kamolthip Pohsoh v Muhammad Fadhil Bin Mazlan* (14600-044-0656-2011), ketiadaan elemen qabul telah menyebabkan Mahkamah memutuskan kes tersebut telah ditolak. Selain itu, di dalam kes *Faizah Som Binti Abdul Kadir v Yahya Bin Abdul Kadir dan Lain-lain* (14700-044-0244-2013), Y.A Hakim Syarie juga bersetuju bahawa qabul adalah elemen kedua bagi *ṣighah* hibah. Hibah tidak akan berlaku sekiranya tiada qabul daripada penerima hibah walaupun telah wujud elemen ijab yang dilafazkan oleh pemberi hibah.

Walau bagaimanapun, terdapat kes hibah di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di negeri Selangor yang meluluskan pengesahan hibah sedangkan elemen qabul gagal dibuktikan iaitu kes *Mohd Hassan Bin Ismail v Habshah Binti Alias Dan Lapan*

Defendan Yang Lain (10300-044-0711-2012). Berdasarkan penghujahan Hakim Syarie dalam kes ini:

Walaupun tiada lafaz qabul secara jelas dibuat oleh pihak plaintif, namun demikian kewujudan qarinah lain selain daripada lafaz qabul menunjukkan telah berlakunya *qabḍ* sebaik sahaja hartanah tersebut dihibahkan kepada plaintif.

Menurut Hakim Bicara dalam kes ini, kewujudan elemen *qabḍ* mencukupi bagi meluluskan pengesahan hibah walaupun rukun-rukun hibah tidak lengkap iaitu qabul yang merupakan salah satu elemen dalam *ṣiḡhah*.

Selain itu, terdapat hakim yang meluluskan pengesahan hibah kerana beliau beranggapan bahawa perbuatan tersebut adalah qabul sedangkan penulis beranggapan elemen qabul gagal dibuktikan seperti kes di negeri Pahang iaitu kes *Ibrahim Bin Muda v Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang* (06100-044-0378-2014). Berdasarkan penghujahan dalam kes ini, pemberi hibah telah mengucapkan lafaz ijab dan melakukan qabul secara perbuatan di samping tiada elemen qabul secara lisan dilafazkan daripada penerima hibah. Hakim Bicara menjelaskan di dalam alasan penghakiman kes ini ialah:

Pemohon juga telah menunjukkan penerimaan pemberian daripada si mati tersebut dengan mengusahakan kewajipannya terhadap hartanah tersebut termasuklah membayar segala cukai yang berkaitan.

Berdasarkan penghujahan di atas, Hakim Syarie telah mengklasifikasikan perbuatan tersebut sebagai qabul. Menurut penulis, Hakim Syarie yang membicarakan kes ini telah terkhilaf dalam membuktikan kewujudan elemen qabul dalam kes ini kerana tindakan penerima hibah mengusahakan kewajipannya terhadap hartanah tersebut bukan dikira sebagai qabul tetapi tindakan tersebut adalah salah satu kaedah pelaksanaan *qabḍ* kerana tindakan tersebut dikaitkan dengan keizinan daripada pemberi hibah sedangkan menurut hukum syarak keizinan diperlukan daripada pemberi hibah bagi melaksanakan *qabḍ* bukan melakukan qabul. Walau bagaimanapun, sekiranya Hakim Syarie meluluskan hibah ini walaupun ketiadaan qabul, penulis beranggapan berdasarkan penghakiman Hakim Syarie dalam kes ini adalah cenderung mengguna pakai pendapat sebahagian daripada mazhab Hanafi yang membenarkan hibah dibuat tanpa lafaz qabul di samping bertepatan dengan tafsiran hukum syarak bagi negeri Pahang iaitu tidak mengutamakan pandangan mazhab Shafi'i seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991:

Hukum Syarak ertinya Undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah.

Berdasarkan penghakiman yang dibuat oleh Hakim-hakim Syarie di Mahkamah Syariah, mereka memutuskan bahawa ijab dan qabul adalah rukun bagi hibah. Begitu juga Hakim Syarie yang membicarakan kes *Ibrahim Bin Muda v Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang* (06100-044-0378-2014). Namun begitu, hakim tersebut telah terkhilaf dalam mengklasifikasikan perbuatan itu sebagai qabul sedangkan perbuatan tersebut menunjukkan kepada pelaksanaan *qabḍ*. Sekiranya qabul tidak

dilakukan oleh penerima hibah maka secara tidak langsung akad hibah tersebut terbatal dan tidak sah. Berdasarkan senario yang berlaku kebanyakan masyarakat kurang kefahaman mengenai hukum hakam hibah yang telah ditetapkan secara terperinci di dalam kitab-kitab fiqh. Oleh yang demikian, Hakim-hakim Syarie akan melihat kepada *qarinah* untuk memastikan bahawa pemberi hibah telah melakukan ijab dan penerima hibah telah melakukan qabul. Walau bagaimanapun, pandangan Hakim Syarie berbeza dalam menentukan bentuk *qarinah* yang wujud.

IJAB DAN QABUL SECARA LAFAZ DAN PERBUATAN

Antara contoh lafaz ijab yang menunjukkan kepada pemberian kepada seseorang ialah “aku hibahkan kepada kamu”, “aku hadiahkan kepada kamu”, “aku berikan milikan benda ini kepada kamu” dan lafaz-lafaz lain yang menunjukkan kepada pemberian milikan sesuatu barang. Manakala lafaz qabul pula seperti “aku terima”, “aku reda” dan “aku rela” (al-Khaṭīb 2003; al-Bakrī 1995; al-Zuhaylī 2011; al-Zuhaylī 1989).

Lafaz ijab dan qabul tidak berpandukan kepada lafaz tertentu sahaja. Lafaz-lafaz lain boleh juga diaplikasikan di dalam akad hibah. Jika lafaz yang diucapkan oleh pemberi hibah dan penerima hibah membawa kepada maksud pemberian dan penerimaan mengikut *‘urf* manusia maka secara tidak langsung membawa kepada *ṣighah* telah sempurna terlaksana (al-Zuhayli 1989:8) seperti merujuk kepada kenyataan Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Haji Azzeman Bin Haji Omar, dalam kes *Faizah Som Binti Abdul Kadir v Yahya Bin Abdul Kadir Dan Lain-lain* (14700-044-0244-2013), lafaz yang diucapkan dalam akad hibah yang bermaksud pemberian seperti “aku telah jadikan barang ini untukmu”, “dia untukmu” dan “aku berikan makanan ini untuknya” adalah dikira lafaz ijab dan cukup membawa kepada maksud memindah milik walaupun tidak menyebut kalimah hibah seperti “aku menghibahkan kepada kamu”.

Begitu juga lafaz qabul seperti “iyalah, saya suka” seperti yang diucapkan oleh penerima hibah di dalam kes *Asmah Binti Mohamed Dewa v Chik Zaharah Binti Awang Noh & Lima Yang Lain* (06200-044-0072-2014), Hakim Bicara bersetuju mengatakan bahawa lafaz tersebut adalah menunjukkan kepada penerimaan pemberian daripada pemberi hibah.

Bagi orang bisu yang ingin melakukan hibah, cukuplah dengan bahasa isyarat yang difahami yang menunjukkan kepada ijab dan qabul kepada sesuatu barang (al-Zuhaylī 2011). Selain itu, sekiranya ingin melakukan hibah kepada anak kecil, maka wakil kepada anak kecil tersebut iaitu wali hendaklah berperanan melakukan qabul untuk tujuan penerimaan (al-Khaṭīb 2003).

Oleh yang demikian, timbul persoalan, sekiranya pemberi hibah adalah seorang bapa yang telah memberikan harta kepada anaknya yang masih kecil dan pada masa yang sama, bapa itu juga wali kepada penerima hibah, adakah perlu kepada qabul oleh wali tersebut?

Menurut kenyataan yang diberikan oleh Ketua Hakim Syarie Pahang iaitu Y.A.A Dato’ Haji Abdul Rahman bin Md Yunos, hukum asal hibah ialah pemberi hibah boleh

memberikan hibah kepada sesiapa yang dia kehendaki malahan kepada anaknya yang masih kecil. Oleh yang demikian, dalam situasi ini qabul tidak perlu dilakukan oleh wali tersebut malahan bapa juga boleh mengusahakan harta yang telah dihibahkan kepada anaknya. Pelaksanaan *qabḍ* oleh penerima hibah boleh dilaksanakan apabila penerima hibah telah meningkat dewasa dan layak melakukan *taṣarruf*. Walau bagaimanapun, dari segi adat, hendaklah pemberi hibah memberitahu waris-warisnya yang lain berkaitan harta yang telah dihibahkan kepada anaknya yang masih kecil supaya tidak timbul kekeliruan di masa akan datang (Abdul Rahman 2016).

Walaupun bagaimanapun, menurut kenyataan Y.A Tuan Mawardi Bin Che Man iaitu Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor menjelaskan bahawa pemberi hibah tidak mempunyai kuasa melantik dirinya sebagai pemegang amanah. Namun begitu, pemberi hibah boleh meletakkan syarat supaya orang lain yang dipercayai dan amanah untuk menjadi pemegang amanah bagi harta yang telah dihibahkan kepada anak tersebut. Maka penjaga amanah bertindak melakukan penerimaan iaitu qabul yang menjadi wakil kepada anak yang di bawah umur itu (Mawardi 2015).

Namun begitu, dalam konteks ini masalah manusia hendaklah dijaga. Sekiranya bapa juga bertindak sebagai wali akan membawa mudarat untuk anak tersebut di masa akan datang kerana sekiranya bapa kepada kanak-kanak tersebut meninggal dunia kemungkinan waris-waris akan mencabar kes tersebut di Mahkamah dan boleh membawa kepada terjadinya pengaplikasian hukum wasiat dan faraid ke atas harta tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan pemberi hibah membuat dokumen bagi tujuan memberitahu kepada waris-waris yang lain bahawa harta tersebut telah dihibahkan kepada anak kecil wajar dilakukan.

Berkaitan dengan isu sama ada ijab dan qabul dengan lafaz dan perbuatan, terdapat pelbagai pandangan fuqaha mengenai isu ini, antaranya ialah:

- i. Menurut mazhab Hanafi, ijab dan qabul bukan sahaja boleh dengan lafaz malahan boleh juga dilaksanakan dengan cara perbuatan seperti seorang anak ingin memberikan *dābbah* kepada ayahnya. *Dābbah* yang dimaksudkan ialah binatang yang melata. Setelah itu, ayahnya mengambil *dābbah* tersebut secara tidak langsung telah terjadi hibah walaupun tanpa ketiadaan lafaz ijab dan qabul (al-Jaziri 2003).
- ii. Menurut pandangan mazhab Shafi'i pula, akad hibah sempurna dilaksanakan apabila sempurnanya ijab dan qabul secara lafaz sahaja al-Zuhayli 2011; al-Shafi'i 1997; al-Khatib 2003). Akad tersebut tidak sah jika tiada kedua-duanya walaupun telah berlaku *qabḍ* atau tidak berlaku *qabḍ* kerana akad hibah berlakunya pemilikan seperti akad nikah (Ibn Qudāmah t.th.).
- iii. Menurut mazhab Hanbali pula, hibah yang dilaksanakan menerusi perbuatan yang menunjukkan kepada ijab dan qabul adalah dikira sah hibah walaupun bukan dilaksanakan dengan lafaz ijab dan qabul (Ibn Qudāmah t.th.). Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a:

كان رسولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أُتِيَ بِطَعَامٍ سَأَلَ عَنْهُ: أَهَدِيَّتُهُ أَمْ صَدَقَةٌ؟ فَإِنْ قِيلَ صَدَقَةٌ، قَالَ لِأَصْحَابِهِ: كُلُوا، وَلَمْ يَأْكُلْ. فَإِنْ قِيلَ هَدِيَّتُهُ، ضَرَبَ بِيَدِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَكَلَ مَعَهُمْ.

Maksudnya: Apabila diberikan kepada Rasulullah SAW makanan, baginda akan bertanya: “Adakah makanan itu sebagai hadiah atau sedekah?” Jika dikatakan ia ialah sedekah, Rasulullah SAW berkata kepada para sahabatnya: “Makanlah”. Namun baginda tidak makan makanan itu. Jika dikatakan ia ialah hadiah, baginda akan bersegera makan bersama mereka (al-^cAsqalānī t.th).

Para fuqaha telah bersepakat bahawa menghidangkan makanan kepada tetamu secara tidak langsung bermaksud memberi keizinan kepada tetamu untuk memakannya. Oleh itu, perbuatan tersebut tidak memerlukan kepada lafaz qabul daripada penerima hibah kerana perbuatan itu telah menunjukkan keredaan telah berlaku dalam pemindahan hak milik itu (Ibn Qudāmah t.th.).

Mengenai isu ini, timbul persoalan sama ada Mahkamah Syariah mengiktiraf ijab atau qabul dilakukan secara perbuatan kerana jika mengikut pandangan mazhab Shafi^ci, ijab dan qabul hendaklah dilakukan dengan lafaz sahaja.

Berdasarkan kes di negeri Selangor iaitu kes *Ishah Binti Ismail dan Seorang Lagi v Ishak Bin Ismail Dan Lain-lain* (10400-044-0025-2011) mengenai isu ini bahawa sememangnya mahkamah berpendapat ijab dan qabul ini adalah termasuk di dalam rukun-rukun hibah. Namun begitu, di dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa tidak wujud elemen qabul yang dibuat secara lisan daripada penerima hibah tetapi penerima hibah telah melakukan qabul secara perbuatan. Cara penerimaan (qabul) yang dilakukan oleh penerima hibah ialah menguruskan urusan pemecahan lot tanah tersebut bagi membolehkan nama penerima hibah didaftarkan atas geran tanah tersebut di samping pihak plaintif memberikan sejumlah wang bagi menguruskan urusan pemecahan lot itu. Mahkamah Syariah yang membicarakan kes ini telah meluluskan tuntutan hibah dan mengesahkan hibah yang dibuat itu. Oleh yang demikian, Hakim Syarie menerima pakai pendapat selain mazhab Shafi^ci iaitu daripada mazhab Hanafi dan Hanbali.

Begitu juga Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur dalam kes *Rosmah Binti Sully & Seorang Yang lain v Ismail Bin Mohammad & Seorang Yang Lain* [2011] JH 32(II) yang menentukan kewujudan elemen qabul dengan adanya *qarinah*. Berdasarkan penghujahan di dalam kes ini, hakim menyetujui pandangan jumhur fuqaha yang telah menetapkan ijab dan qabul sebagai rukun hibah. Menurut mahkamah, wujudnya lafaz ijab yang telah diucap oleh pemberi hibah seperti “rumah ini kamu punya cuma nama tidak boleh masuk” manakala lafaz qabul tidak diucap oleh penerima hibah. Menurut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah iaitu Y.A Zulfikri Bin Yaso’, perbuatan pemberi hibah ketika hidupnya dan penerima hibah pergi ke rumah dan pejabat defendan pertama merupakan *qarinah* qabul daripada penerima hibah. Berdasarkan bukti yang ditunjukkan di hadapan mahkamah, hakim telah mengklasifikasikan kewujudan elemen qabul dengan cara perbuatan.

Di dalam kes *Abdul Ghani bin Abdul Kadir v Arpah Binti Abdul Kadir* [2012] JH 35(II) iaitu kes yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah di Seremban menerima pendapat fuqaha yang membenarkan qabul dibuat dengan perbuatan. Begitu juga ketiadaan qabul secara lisan di dalam kes *Basa Bin Jaya v Maliah Binti Wan dan lain-lain* (10400-044-0340-2014). Mahkamah berpendapat bahawa penerima hibah telah melakukan qabul dengan cara perbuatan iaitu penerima hibah telah mendiami rumah

iaitu harta yang dihibahkan sejak pemberi hibah hidup sehingga setelah pemberi hibah meninggal dunia.

Namun begitu, kes di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban seperti di dalam kes *Kamsiah Binti Yusof v Latifah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* [2008] JH 27(II) berpendapat bahawa penerima hibah mendiami rumah tidak menunjukkan berlakunya hibah ketika pemberi hibah hidup. Dengan erti kata lain, ini menunjukkan ketiadaan elemen qabul yang dilakukan oleh penerima hibah. Walaupun begitu, mahkamah bersetuju dengan pendapat fuqaha yang membenarkan hibah dibuat dengan cara qabul bagi sesuatu hibah dibuat melalui perbuatan.

Walaupun begitu, penulis mendapati bahawa terdapat pertindihan antara elemen qabul secara perbuatan dan *qabd* dalam akad hibah. Berdasarkan alasan penghakiman kes-kes pengesahan hibah, mahkamah bukan sahaja mengklasifikasikan perbuatan yang dilakukan oleh penerima hibah sebagai *qarinah* yang menunjukkan kepada berlakunya qabul daripada penerima hibah bahkan perbuatan yang sama juga yang dilakukan oleh penerima hibah turut diklasifikasikan sebagai *qabd* sedangkan qabul dan *qabd* itu mempunyai definisi yang berbeza.

Merujuk kes *Ishah Binti Ismail dan Seorang Lagi v Ishak Bin Ismail Dan Lain-lain* (10400-044-0025-2011). Berdasarkan penghujahan hakim dalam kes ini, Hakim Syarie mendapati bahawa qabul secara lisan tidak berlaku tetapi qabul secara perbuatan telah berlaku selang beberapa lama selepas lafaz ijab dibuat iaitu tindakan penerima hibah menguruskan urusan pemecahan lot tanah tersebut. Tindakan yang dimaksudkan ialah pengeluaran kos daripada penerima hibah berjumlah RM2,600.00. Tindakan tersebut perlu dilakukan untuk membolehkan nama penerima hibah didaftarkan di dalam geran tanah tersebut. Menurut Hakim Syarie perbuatan tersebut juga menunjukkan telah berlakunya *qabd* terhadap harta yang dihibahkan.

Begitu juga di dalam kes *Siti Rafiah Binti Ismail v Jamaliah Binti Saod & Sepuluh Yang Lain* (14700-044-0050-2011). Di dalam kes ini, suami menghibahkan kepada pemohon saham-saham syarikat milik pemberi hibah. Berdasarkan penghujahan Hakim syarie dalam kes ini yang berpendapat bahawa elemen qabul secara perbuatan telah berlaku apabila penerima hibah menguruskan syarikat milik pemberi hibah walaupun ketika itu pemberi hibah telah meninggal dunia. Berdasarkan kes ini, penukaran hak milik tidak berlaku ketika hayat pemberi hibah. Namun begitu, menurut Y.A Hakim Bicara *qabd* telah wujud menerusi tindakan penerima hibah menguruskan syarikat tersebut. Oleh yang demikian, dalam kes ini juga mahkamah turut mengklasifikasikan perbuatan yang dilakukan oleh penerima hibah sebagai elemen qabul dan *qabd*.

Begitu juga di dalam kes *Basa Bin Jaya v Maliah Binti Wan dan lain-lain* (10400-044-0340-2014). Berdasarkan penghujahan Hakim Syarie dalam kes ini, elemen qabul secara lisan tidak berlaku namun elemen qabul secara perbuatan telah berlaku apabila penerima hibah menguruskan urusan tanah milik pemberi hibah. Perbuatan penerima hibah yang menunjukkan elemen qabul secara perbuatan wujud ialah penerima hibah membuat bayaran ke atas tanah tersebut, memindahkan rumah asal ke tanah tersebut, menyewa sebuah lori treler dan membawa bahagian-bahagian rumah asal itu ke tanah yang dihibahkan itu dan memasang rumah tersebut. Urusan menguruskan tanah itu juga dianggap sebagai *qarinah* wujudnya elemen *qabd* berdasarkan penghakiman Hakim

Syarie yang membicarakan kes ini. Oleh yang demikian, ini juga menunjukkan telah berlaku pertindihan kedua-dua elemen terhadap perbuatan yang sama yang dilakukan oleh penerima hibah.

Justeru, apabila penulis meneliti kebanyakan penghujahan di dalam kes-kes tersebut, elemen qabul secara perbuatan bersamaan dengan cara pelaksanaan *qabḍ* terhadap harta yang ingin dihibahkan kerana *qabḍ* ialah perbuatan yang menunjukkan kepada penguasaan terhadap barang yang dihibahkan oleh penerima hibah. Dengan erti kata lain, *qabḍ* yang dilakukan oleh penerima hibah telah wujud sedangkan tiada qabul yang dilakukan daripada penerima hibah. Oleh yang demikian, penulis sependapat dengan Nasrul Hisyam yang mengatakan bahawa elemen qabul tidak penting untuk ditekankan kerana sekiranya tiada elemen qabul, dengan kewujudan elemen *qabḍ* menunjukkan bahawa pelaksanaan daripada penerima hibah menerima harta tersebut dan keizinan daripada pemberi hibah supaya penerima hibah melakukan *taṣarruf* menunjukkan pemberi hibah merelakan harta diserahkan kepada pemberi hibah. Disebabkan itu majoriti fuqaha mazhab Hanafi berpandangan bahawa qabul bukan merupakan rukun dalam akad hibah kerana elemen *qabḍ* merupakan perkara wajib dan satu keperluan untuk mengesahkan hibah (Nasrul Hisyam 2011).

KESIMPULAN

Dalam perbahasan fuqaha mengenai isu ijab dan qabul, para fuqaha berbeza pandangan namun bukan sebagai punca untuk membebaskan manusia namun bertindak sebagai rahmat bagi umat manusia untuk mengaplikasikan pendapat para fuqaha yang bersesuaian dengan keperluan arus semasa masa kini. Isu ijab dan qabul merupakan isu yang penting kerana kesahan sesuatu hibah adalah bergantung kesempurnaan pengaplikasian ijab dan qabul itu. Oleh yang demikian, melihat kepada keputusan yang berbeza yang dibuat oleh Hakim Syarie, maka rumusan yang dapat dibuat adalah berlakunya perbezaan penghujahan disebabkan hakim-hakim syarie menggunakan pendapat-pendapat fuqaha yang berbeza. Pemilihan penggunaan pendapat-pendapat mazhab fiqh adalah berpandukan kepada situasi kes. Di samping itu, perbezaan keputusan yang dibuat oleh Hakim Syarie adalah disebabkan ketiadaan statut peruntukan yang khusus untuk menjadi rujukan. Berbanding dengan wasiat yang juga merupakan salah satu instrumen perancangan harta orang Islam di Malaysia telah kehadiran dalam menghasilkan undang-undang khusus mengenai wasiat seperti yang telah dikanunkan dalam enakmen bagi negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Justeru, undang-undang hibah hendaklah dikanunkan sebagai panduan dan rujukan Hakim-hakim Syarie bagi memutuskan keputusan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah. Dalam pada itu, konsep 'doktrin duluan mengikat' tidak diwajibkan pengaplikasian di Mahkamah Syariah namun Hakim Syarie dibenarkan merujuk kes-kes terdahulu seperti yang dinyatakan di dalam Arahan Amalan No.1 Tahun 2002. Bagi syarikat-syarikat pengurusan harta orang Islam di Malaysia pula, mereka hendaklah memainkan peranan penting supaya produk yang dihasilkan adalah sejajar dengan keputusan Hakim Syarie kerana badan kehakiman merupakan institusi yang menentukan sama ada hibah yang dihasilkan itu adalah sah atau sebaliknya.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang menggunakan dana penyelidikan GGPM-2015-024.

RUJUKAN

- Abdul Rahman bin Md Yunos. 2016. *Isu-isu Hibah di Mahkamah Syariah*. Pahang: Kuantan. Temubual. 20 Januari.
- al-[°]Asqalānī, Aḥmad bin [°]Alī Bin Ḥajr. t.th. *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Juz. 10. t.tp.: Maktabah al-Salfiyah.
- al-Bakrī, Abu Bakar [°]Uthman Bin Muḥammad Shaṭṭa al-Dimyāṭī. 1995. *F[°]ānah al-Ṭālibīm*. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- Ibn Rushd, Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Rushd al-Andalusī. 2012. *Sharḥ Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Cet. 5. Jil. 4. Kaherah: Dar al-Salām.
- Ibn Qudāmah, Abdullah bin Ahmad. t.th. *al-Mughnī*. Juz.5. Beirut: [°]Alam al-Kutub.
- al-Jazirī, Abd Rahman. 2003. *al-Fiḥ al-Madhahib al-Arba[°]ah*. Cet. 2. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- Jurnal Hukum. 2008. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 26(1):73.
- Jurnal Hukum. 2009. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 27(2):225.
- Jurnal Hukum. 2012. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 35(2):307.
- al-Khaṭīb, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad. 2003. *al-Iqnā[°] fī Ḥal Alfāz li Ibn Shujā[°]*. Juz. 2. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Mawardi bin Che Man. 2015. *Isu-isu Hibah di Mahkamah Syariah*. Selangor: Shah Alam. Temubual. 24 Disember.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Aziah Mohd Awal. 2003. Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia. Selangor: International Law Book Services.
- al-Shafi[°]i, Abī Qāsim Abd Karīm bin Muhammad bin Abd Karīm al-Rāfi[°]i al-Qazwīnī. 1997. *Al-[°]Azḥ bi Syarḥ al-Wajīz al-Ma[°]rūf bi Sharḥ al-Kabīr*. Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- al-Shīrāzī, Ibn Ishak. 1996. *al-Muhadhdhab fī al-Fiḥ al-Shāfi[°]i*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhaylī, Muḥammad. 1432H/2011. *al-Mu[°]tamad fī Fiḥ Imām al-Shāfi[°]i*. Cet. 3. Jil. 3. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1409H/1989. *al-Fiḥ al-Islamī wa Adillatuh*. Cet.3. Jil. 5. hlm. 7. Damshiq: Dar al-Fikr.

Nurul Syuhadah Binti Azalan
Pelajar Pascasiswazah
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Noor Lizza Binti Mohamed Said
lizza@ukm.edu.my
Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Dr. Salmi Edawati Yaacob

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Ibnor Azli Ibrahim
Assoc. Prof. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri

Bahasa Copy Editor

Md. Yazid Ahmad
Mohd Zamro Muda

Editor

Mohammad Zaini Yahaya
Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 1(1) (2016)

Published by:

Department of Sharia law,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
436500 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2016), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 1(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.